



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
 Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan

Aras 1, Blok 2251
 Jalan Usahawan 1, Cyberjaya
 63000 SELANGOR
 MALAYSIA

Tel : +603 - 8321 7100 (Kauunter)
 Faks (Fax) : +603 - 8321 7101
 Portal : www.moe.gov.my
 (Website)

Ruj. Kami: KPM.BT.600-1/11/1 Jld.2 (1)

Tarikh : 30 Mei 2019

Semua Ketua Jabatan / Bahagian
 Semua Pengarah Pelajaran Negeri

YBhg. Datuk / Dato'/Datin/Tuan/Puan

Ksep
Trodan
AZMAN BIN ADNAN
 Pengarah Pendidikan Negeri Johor
 Jabatan Pendidikan Negeri Johor

TAWARAN PERMOHONAN PROGRAM INDUSTRIAL REVOLUTION (IR 4.0)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2019

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara seperti di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa pihak YBhg. Datuk / Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengemukakan pencalonan bagi Program Penajaan/Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) mengikuti pengajian berteraskan Revolusi Perindustrian (IR) 4.0 di peringkat pascasiswazah iaitu Ijazah Sarjana dan Kedoktoran secara sepenuh masa di Universiti Putra Malaysia bagi ambilan Tahun 2019.

3. Program IR 4.0 mengambil kira hasrat Kerajaan melalui inisiatif pendidikan bertaraf dunia dalam membangunkan bakat berkemahiran tinggi dalam mengharungi revolusi industri 4.0. Kursus ini akan dilaksanakan sepenuhnya di **Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia** dan kohort pertama dijangka akan bermula pada **September 2019**.

Ust Latihan & Kemajuan Staf

Ust Indatun, Johari. 05/05/19

Sepanjang tempoh program, PPP akan diberikan kemudahan **Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa** dan mengisi **Jawatan Latihan, Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan, KPM**. Syarat-syarat dan tatacara permohonan adalah seperti dilampirkan. Maklumat berkaitan permohonan boleh dimuat turun dengan



PP
Hebahan melalui portal & PPD.
n. ulb

melayari portal KPM <http://www.moe.gov.my> mulai 30 Mei 2019. Surat sokongan dan perakuan Pegawai yang telah mendapat kelulusan **Ketua Jabatan/JPN** hendaklah dikemukakan ke Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan, KPM **selewat-lewatnya pada 21 Jun 2019 (Jumaat)**. Keutamaan akan diberikan kepada memiliki kelayakan akademik dan pengalaman berkaitan dengan bidang yang disenaraikan seperti di **Lampiran A**.

5. Adalah diharapkan pihak YBhg. Datuk / Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat menghebahkan perkara ini kepada PPP yang berkelayakan di bawah pentadbiran masing-masing. Jasa baik YBhg. Datuk / Dato'/Datin/Tuan/Puan juga dimohon untuk memastikan permohonan dengan dokumen yang lengkap sahaja dikemukakan ke BBP seperti alamat berikut:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1, Blok 2251, Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan.
(u.p: Cawangan Perancangan dan Pengurusan Kerjaya)

6. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan program ini boleh menghubungi pegawai berikut:-

Nama Pegawai	No. Telefon	Emel
Pn. Normawani binti Mohamed @ Awang	03-83217113	normawani.mohamed@moe.gov.my
Pn. Salmah binti Daud Shah	03-83217114	salmah.daud@moe.gov.my
Pn. Nurul Syamiza bt Shahril	03-83217115	syamiza.shahril@moe.gov.my
Pn. Jamilah binti Junit	03-83217116	jamilah.junit@moe.gov.my

7. Kerjasama YBhg. Datuk / Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini sangat dihargai dan disusuli dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(FARAH DIANA BINTI ZAHIDI)
Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

No. Tel: 03-83217088

No. Faks: 03-83217101

Emel: farahdiana.z@moe.gov.my



**SENARAI BIDANG PENGKHUSUSAN PROGRAM
INDUSTRIAL REVOLUTION (IR) 4.0 TAHUN 2019**

BIDANG PENGKHUSUSAN	PERINGKAT PENGAJIAN	
	SARJANA	PHD
Teknologi Pendidikan/ Pengurusan Sistem Maklumat		
Sains Data Dan Maklumat / Pengurusan Maklumat		
Pengurusan Teknologi Pendidikan		
Pembangunan Kurikulum Pendidikan		
Teknologi Pendidikan		
Artificial Intelligence		
Sains Komputer		
Teknologi Maklumat		
Teaching and Learning Tools In 21st Century Knowledge Society		
Pendidikan Teknologi Maklumat		